

13 OCT 2003

APEC-THAKSIN

APEC MAHU TANGANI CABARAN KEGANASAN ANTARABANGSA

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra berkata Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik 2003 (Apec) yang bermula di sini esok, antara lainnya, akan menangani cabaran keganasan antarabangsa yang boleh memberi kesan serius kepada globalisasi dan perdagangan pelbagai hala.

Beliau berkata Apec sedang berada di persimpangan yang penting yang menyaksikan keganasan oleh kumpulan pengganas antarabangsa, terutamanya Jemaah Islamiah.

Selain itu, Thaksin berkata Apec perlu menumpukan perhatian untuk membendung penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan penyakit merbahaya lain di rantau ini.

"Isu-isu ini juga sama pentingnya dengan agenda teras Apec seperti perdagangan dan pelaburan, ekonomi dan teknologi," kata Perdana Menteri Thai itu dalam ucapan alu-aluannya kepada delegasi di Apec 2003, yang terkandung dalam Buku Panduan Media Apec.

Mesyuarat itu, yang diadakan di bawah kawalan keselamatan yang ketat berikutan kebimbangan terhadap serangan pengganas, akan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dunia termasuk Presiden AS, George Bush dan Presiden Russia, Vladimir Putin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba di sini pada Ahad selepas sidang kemuncak Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya, untuk menghadiri forum antarabangsanya yang terakhir sebelum bersara pada akhir bulan ini.

Sidang Kemuncak Apec, yang dianggotai 21 anggota daripada negara-negara sekitar Lingkaran Pasifik akan bermula esok dengan mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan diikuti oleh mesyuarat Peringkat Menteri pada 17 Okt dan 19 Okt sebelum mesuarat Ketua-Ketua Ekonomi Apec pada 20 dan 21 Okt.

Turut diadakan sepanjang Apec adalah mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) dan Sidang Kemuncak CEO Apec.

Thaksin berkata bagi memastikan peranan penting Apec dalam menangani cabaran-cabaran ini, Thailand telah mencadangkan tema "Dunia Yang Berbeza: Perkongsian bagi Masa Depan" bagi sidang kemuncak itu.

"Ia menyokong keperluan bagi anggota Apec untuk bergabung bagi mewujudkan perkongsian tenaga untuk kemajuan dan kemakmuran seluruh rantau," katanya.

Thaksin berkata tema perkongsian itu juga dicerminkan dalam logo Apec 2003, yang menampilkan imej Suphanahongsa Royal Barge, melambangkan warisan dan budaya negara Thailand.

Dalam konteks Apec, Royal Barge melambangkan peranan Thailand sebagai tuan rumah dan hasratnya untuk menyediakan jentera yang menghubungkan kedua-dua belah rantau Pasifik menerusi ikatan kukuh hubungan sejarah, ekonomi, sosial dan budaya.

Ditubuhkan pada 1989 sebagai sebuah persatuan perdagangan bagi negara-negara di Asia dan Amerika, Apec mempunyai jawatankuasa penyelaras untuk mengendalikan ancaman keganasan.

Apec dipengerusikan secara bergilir setiap tahun di kalangan anggotanya dan setiap pengerusi bertanggungjawab bagi mesyuarat tahunan peringkat menteri bagi menteri luar dan perdagangan.

Mexico menjadi tuan rumah pada tahun lalu manakala edisi 2004 akan diadakan di Chile dan diikuti Korea Selatan pada 2005.

Negara anggota Apec adalah Australia, Brunei, Kanada, Chile, China,

Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, AS dan Vietnam.

-- BERNAMA

AR KTC ZK